

Khidmat ejen pekerja asing dimansuh

KUALA LUMPUR – Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan akan memansuhkan sistem pengambilan pekerja asing melalui ejen atau syarikat tertentu tidak lama lagi.

Katanya, peranan tersebut yang sebelum ini diberikan kepada lebih 100 syarikat sumber luar di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan diserahkan kepada Agensi Pekerjaan Swasta (APS).

APS diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Menurutnya, APS mempunyai akta khas bagi memastikan pengambilan pekerja asing lebih terurus dan mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada.

Muhyiddin berkata, rundingan dengan syarikat terlibat telah diadakan dan kerajaan bersetuju untuk memberi masa kepada syarikat itu untuk menempatkan pekerja-pekerja yang ada di bawah tanggungan mereka kepada majikan-majikan yang terpilih.

“Kami memutuskan untuk tidak meneruskan program *outsourcing* yang kini diurus-

kan KDN dan tugas itu akan diserahkan kepada Kementerian Sumber Manusia.

“Tujuan kita mengambil tindakan ini adalah bagi mengelak beberapa perkara yang tidak diinginkan seperti kes pemerdagangan manusia dan pelbagai lagi perkara yang dikaitkan dengan isu pekerja asing.

“Ketika ini, lebih 100 syarikat *outsourcing* dengan kira-kira 26,000 pekerja asing diberi tempoh untuk menempatkan pekerja di bawah tanggungan mereka kepada majikan terpilih,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Kementerian Sumber Manusia mengenai pengurusan pekerja asing di Parlimen di sini semalam.

Sebelum ini, Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) mencadangkan sistem ejen perkhidmatan pekerja asing dimansuhkan bagi menangani isu penindasan dan perhambaan moden, selain mengurangkan kos serta membanteras isu penipuan termasuk pemalsuan dokumen.

Mesyuarat itu turut dihadiri Menteri Sumber Manusia, M. Kulasegaran.



MUHYIDDIN



KULASEGARAN

Sementara itu, Kulasegaran berkata, jawatankuasa itu turut bersetuju untuk melaksanakan sistem levi pelbagai peringkat atau *multi-tier* dalam pengambilan pekerja asing seperti yang dilaksanakan Singapura selewat-lewatnya tahun depan.

Menurutnya, melalui sistem itu, jumlah bayaran levi akan ditetapkan berdasarkan jumlah pekerja asing yang digajikan oleh majikan berkenaan.

Dalam perkembangan berbeza, Muhyiddin berkata, beberapa pindaan dan pemansuhan akta berkaitan keselamatan negara akan diben-

25/10/2018 M/S 02

INFO Antara syarikat pengambilan pekerja asing yang berdaftar

- Global Recruitment (M) Sdn. Bhd.
- AA Asia Setia Sdn. Bhd.
- Affluent Harmony Management Sdn. Bhd.
- Agenda Ceria Sdn. Bhd.
- Alpha Sierra Manpower Sdn. Bhd.
- Al-Sabira Sdn. Bhd.
- Ambang Wijaya (M) Sdn. Bhd.
- Andaraya (M) Sdn. Bhd.
- Arty ManPower Management Services Sdn. Bhd.
- Global Partners (M) Sdn. Bhd.

Sumber: Laman web Kementerian Dalam Negeri

INFO Pekerja asing di Malaysia

Sehingga 31 Ogos lalu, terdapat seramai 1,750,354 pekerja asing di Malaysia yang terdiri daripada 1,395,865 pekerja asing lelaki dan 354,489 pekerja asing wanita.

Bilangan pekerja asing	Jumlah	Peratus (%)
Indonesia	682,302	38.98
Nepal	365,888	20.90
Bangladesh	314,410	7.96
India	114,414	6.54
Myanmar	100,624	5.75
Pakistan	56,434	22.00
Filipina	52,253	2.99
Vietnam	20,604	1.18
Thailand	15,219	0.88
Sri Langka	5,012	0.29
Kemboja	3,497	0.20
Laos	31	0.002

Bilangan pekerja asing mengikut sektor

Bilangan pekerja asing mengikut sektor	Jumlah
Perkilangan	649,335
Perkhidmatan	238,893
Pertanian	148,611
Pembinaan	11,788
Perladangan	276,636

INFO Kadar bayaran levi

Kadar Levi (setahun)



PENGAMBILAN pekerja asing selepas ini tidak akan dikendalikan lagi oleh ejen atau syarikat luar, sebaliknya diuruskan oleh Agensi Pekerjaan Swasta di bawah Kementerian Sumber Manusia.



TERDAPAT lebih 1.7 juta pekerja asing di Malaysia yang bekerja dalam pelbagai sektor seperti perkilangan dan pembinaan.

Sektor	Semenanjung (RM)
Perkilangan	1,850
Pembinaan	1,850
Perladangan	640
Pertanian	640
Perlombongan	1,850
Perkhidmatan	1,850

- Restoran, pembersihan, dobi, kedi, kedai gunting rambut, perniagaan borong dan runcit termasuk dalam kategori perkhidmatan
- Berkuat kuasa 1 Oktober 2018, majikan pekerja asing yang memiliki Pas Lawatan Kerja Sementara PLKS dikenakan levi sebanyak RM10,000 jika mahu melanjutkan tempoh pekerjaan untuk tahun ke-11 dan seterusnya

Majikan sambut baik dasar baharu kerajaan

KUALA LUMPUR - Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) menyambut baik keputusan kerajaan mewujudkan dasar baharu iaitu satu saluran pengambilan pekerja asing di Malaysia.

Presiden Presma, Ayooob Khan Muhammad Yakub berkata, penamatan kontrak ejen dan syarikat yang mengambil pekerja warga asing mampu mendedung gejala rasuah dalam kalangan pihak ketiga.

Kata Ayooob, dengan melalui satu saluran sahaja, proses pengambilan warga asing dijangka menjadi lebih mudah berbanding menerusi pelbagai saluran luar yang dilihat lebih mengutamakan keuntungan.

"Ini merupakan langkah yang baik



SHAMSUDDIN



AYOOOB KHAN

kerana peniaga atau majikan tidak perlu berurusan dengan mana-mana pihak luar bagi mengambil pekerja warga asing.

"Kita bimbang berlakunya gejala rasuah yang akhirnya menyusahkan majikan dan memburukkan imej kerajaan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif

Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan berkata, pihak MEF berharap dasar baharu pengambilan pekerja asing itu dapat direalisasikan segera kerana majikan tidak perlu lagi mengeluarkan kos yang berlebihan.

"Pihak MEF juga mengharapkan agar kementerian dapat melaksanakannya kerana selama ini penglibatan pihak ketiga menjadi satu beban kepada majikan.

"Majikan boleh mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik jika pihak ketiga tidak mengenakan kos yang terlalu tinggi," katanya.

Shamsuddin berharap dengan pengenalan Agensi Pekerjaan Swasta itu, ia dapat menurunkan kos berkaitan pengambilan pekerja asing.